**SOALAN-SOALAN LAZIM**
**PROGRAM MYBRAIN 2.0**
**(PERMOHONAN)**

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Siapakah yang layak memohon Program MyBrain 2.0?</td><td>a) Orang awam tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap; dan<br>b) Pensyarah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah peringkat pengajian yang ditawarkan di bawah Program MyBrain 2.0?</td><td>a) Ijazah Sarjana; dan<br>b) Ijazah Kedoktoran (PhD).</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Apakah bidang tajaan di bawah Program MyBrain 2.0?</td><td>a) Keutamaan kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM); dan<br>b) Sains Sosial dan Sastera Ikhtisas terpilih.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Di manakah tempat pengajian yang dibenarkan untuk menyambung pengajian di bawah program ini?</td><td>20 Universiti Awam.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td colspan="2">Apakah kemudahan pembiayaan yang disediakan di bawah program ini?
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Kemudahan Pembiayaan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Yuran Pengajian<br><br>a) Ijazah Sarjana :<br>Kadar maksimum RM2,300.00 per semester/<br>RM9,200.00 sepanjang pengajian<br><br>b) Ijazah Kedoktoran:<br>Kadar maksimum RM3,750.00 per semester/<br>RM22,500.00 sepanjang pengajian</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Elaun Sara Hidup bulanan</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Bagaimanakah tempoh pembiayaan Program MyBrain 2.0 ditetapkan?</td><td>Tempoh tajaan Program MyBrain 2.0 dikira bermula pada semester semasa bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian atau mengikut surat tawaran IPT bagi pelajar yang belum memulakan pengajian.</td></tr>
</table>

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 7. | Apakah syarat-syarat untuk memohon Program MyBrain 2.0? | |

| Bil. | Syarat Kelayakan | Ijazah Sarjana | Ijazah Kedoktoran |
|---|---|---|---|
| (i) | Had Umur | Tidak lebih **35 tahun** pada tahun permohonan. | Tidak lebih **45 tahun** pada tahun permohonan. |
| (ii) | Syarat Kelayakan Akademik | (i) Telah menerima surat tawaran penuh daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT);<br><br>(ii) Mempunyai sekurang-kurangnya tempoh minimum baki pengajian sebanyak **12 bulan** bagi pemohon yang sedang mengikuti pengajian di IPT;<br><br>(iii) Memperoleh **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.00 / Kelas Dua Atas / setaraf** pada pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan<br><br>(iv) Memperoleh sekurang-kurangnya **PNGK minimum 3.30 bagi keputusan semester terkini** sekiranya pemohon sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana mod Campuran (Kerja Kursus dan Tesis) dengan minimum baki tempoh pengajian yang ditetapkan. | (i) Telah menerima surat tawaran penuh daripada IPT;<br><br>(ii) Mempunyai sekurang-kurangnya tempoh minimum baki pengajian sebanyak **24 bulan** bagi pemohon yang sedang mengikuti pengajian di IPT;<br><br>(iii) Memperoleh **PNGK minimum 3.30 / setaraf** bagi mod pengajian kerja kursus atau Campuran (Kerja Kursus dan Tesis) pada pengajian Ijazah Sarjana; atau<br><br>(iv) **Lulus bagi mod pengajian secara penyelidikan** peringkat Ijazah Sarjana; atau<br><br>(v) Telah menerima surat tawaran penuh / memulakan pengajian di IPT bagi laluan *Fast Track* PhD. |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td colspan="2">
<table>
<tr><td>(iii)</td><td>Mod Pengajian</td><td>Sepenuh masa secara penyelidikan dan campuran (Kerja Kursus dan tesis).</td><td>Sepenuh masa secara penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Tempoh maksimum penajaan (Pelanjutan tempoh tajaan adalah tidak dibenarkan)</td><td>24 bulan.</td><td>36 bulan.</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Bagaimanakah tatacara permohonan Program MyBrain 2.0 ?</td><td>a) Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0 (pautan: https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrain2/). Permohonan secara manual tidak akan diterima;<br><br>b) Pemohon hendaklah memastikan rancangan penyelidikan (proposal) telah dipersetujui dan disahkan oleh penyelia/bakal penyelia bagi peringkat pengajian Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran;<br><br>c) Pemohon hendaklah bebas daripada senarai hitam Pinjaman Tabung Pelajaran Tinggi Negara (PTPTN), Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP) atau mana-mana program penajaan KPT;<br><br>d) Semua dokumen sokongan yang disertakan perlu diimbas (scan) dari dokumen asal dan disimpan dalam format imej (JPEG) atau PDF dan perlu dimuatnaik (upload) dalam sistem permohonan atas talian ini. Dokumen yang diambil (capture) menggunakan kamera tidak akan diterima; dan<br><br>e) Dokumen-dokumen tersebut perlu diakui sah oleh pegawai Kerajaan / badan berkanun dari Kumpulan Pengurusan dan</td></tr>
</table>

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | Profesional (Gred 41 dan ke atas) / Penggawa / Ketua Kampung / Ketua Masyarakat. |
| 9. | **Bilakah permohonan akan dibuka?** | Permohonan ini dibuka mulai pada **1 Ogos 2024 (Khamis), jam 3.00 petang** dan akan ditutup pada **21 Ogos 2024 (Rabu), jam 11.59 malam**. |
| 10. | **Adakah penjawat awam/ badan berkanun/ IPTA (berstatus tetap) layak memohon ?** | Pada masa ini penjawat awam/ badan berkanun/ IPTA (berstatus tetap) adalah tidak layak memohon. |
| 11. | **Adakah penjawat awam/ badan berkanun/ IPTA (berstatus kontrak) layak memohon ?** | Pada masa ini penjawat awam/ badan berkanun/ IPTA (berstatus kontrak) adalah tidak layak memohon. |
| 12. | **Adakah pelajar boleh memohon MyBrain 2.0 jika belum menerima surat tawaran rasmi dari IPT ?** | **TIDAK BOLEH.** Pelajar perlu mendapat surat tawaran rasmi untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dari IPT. |
| 13. | **Adakah pelajar yang sedang dalam pengajian layak memohon MyBrain 2.0?** | Ya, pelajar layak memohon jika masih mempunyai baki pengajian tertakluk kepada baki pengajian yang ditetapkan seperti berikut:<br><br>**a) Ijazah Sarjana :**<br>Mempunyai sekurang-kurangnya tempoh minimum baki pengajian sebanyak 12 bulan pada Semester 1, Sesi 2024/2025; dan<br><br>**b) Ijazah Kedoktoran :**<br>Mempunyai sekurang-kurangnya tempoh minimum baki pengajian sebanyak 24 bulan Semester 1, Sesi 2024/2025. |
| 14. | **Adakah pelajar tajaan MyBrain 2.0 boleh menerima biasiswa atau pembiayaan lain ?** | Pelajar tajaan MyBrain 2.0 tidak dibenarkan menerima biasiswa atau pembiayaan lain. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :<br><br>a) Pelajar kategori **orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap** tidak boleh menerima sebarang bentuk penajaan dari lain-lain penaja kecuali pinjaman pelajaran/elaun pembantu penyelidik siswazah/pembiayaan |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | tambahan lain dengan syarat ia bukanlah biasiswa; dan<br><br>b) Pelajar kategori **pensyarah IPTS** boleh menerima pinjaman pelajaran daripada penaja lain atau pembiayaan tambahan daripada majikan masing-masing dengan syarat ia bukanlah biasiswa. |
| 15. | **Adakah pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di IPT luar negara layak untuk memohon MyBrain 2.0?** | Tidak layak memohon. Program MyBrain 2.0 hanya menaja pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di IPT dalam negara sahaja. Senarai IPT tersebut boleh didapati di Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0. |
| 16. | **Adakah pelajar bertaraf penduduk tetap (PR) Malaysia layak memohon Program MyBrain 2.0?** | Tidak layak memohon. Program MyBrain 2.0 terbuka kepada warganegara Malaysia Sahaja. |
| 17. | **Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Program MyBrain 2.0?** | Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :<br><br>**a) Ijazah Sarjana :**<br><br>i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (depan dan belakang) yang disahkan;<br>ii. Gambar berukuran passport;<br>iii. Salinan transkrip penuh Ijazah Sarjana Muda yang disahkan;<br>iv. Rancangan penyelidikan yang disahkan penyelia/bakal penyelia;<br>v. Salinan Surat Tawaran Universiti yang disahkan; dan<br>vi. Borang Pengesahan Maklumat Pemohon yang perlu dimuat turun dari Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0 dan dokumen sokongan lain yang dinyatakan dalam borang tersebut.<br><br>**b) Ijazah Kedoktoran :**<br><br>i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (depan dan belakang) yang disahkan;<br>ii. Gambar berukuran passport; |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | iii. Salinan transkrip penuh Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana yang disahkan;<br>iv. Rancangan penyelidikan yang disahkan penyelia/bakal penyelia;<br>v. Salinan Surat Tawaran Universiti yang disahkan; dan<br>vi. Borang Pengesahan Maklumat Pemohon yang perlu dimuat turun dari Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0 dan dokumen sokongan lain yang dinyatakan dalam borang tersebut. |
| 18. | **Bagaimanakah untuk mengatasi masalah saiz fail PDF terlalu besar semasa proses muat naik dokumen?** | Sila mampatkan (*compress*) fail PDF tersebut dengan menggunakan sebarang aplikasi mengurangkan saiz fail yang boleh dipercayai sehingga mencapai saiz fail yang ditetapkan. |
| 19. | **Adakah pemohon perlu menduduki ujian psikometrik?** | Calon yang berjaya melepasi saringan syarat-syarat permohonan **wajib** menduduki Ujian Psikometrik secara atas talian (online) dalam tempoh yang ditetapkan. Pemakluman akan di buat melalui e-mel pelajar yang telah didaftarkan di dalam Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0. |
| 20. | **Bilakah hebahan dan keputusan temu duga dibuat?** | Hebahan iklan dan semakan keputusan adalah melalui Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0. Pemohon akan menerima notis pemakluman melalui e-mel yang telah didaftarkan di dalam Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0. |
| 21. | **Adakah pelajar perlu kemukakan salinan *hardcopy* selepas permohonan secara atas talian dibuat?** | Tidak perlu. Pemilihan akan dibuat berdasarkan kepada dokumen dan maklumat yang dimuat naik dalam talian melalui Sistem Permohonan Program MyBrain 2.0 sahaja. Oleh itu, sila pastikan permohonan adalah lengkap dan betul sebelum pemohon menekan butang sah dan hantar. Sebarang pembetulan selepas pengesahan penghantaran dibuat adalah tidak boleh dipinda sehingga keputusan diumumkan. |

| BIL. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 22. | **Adakah pelajar tajaan Program MyBrain 2.0 perlu berkhidmat dengan Kerajaan selepas menamatkan pengajian?** | Pelajar tajaan Program MyBrain 2.0 tidak terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan selepas menamatkan pengajian. |
| 23. | **Adakah pelajar dibenarkan untuk membuat pertukaran Kursus/Tempat Pengajian?** | Pelajar TIDAK DIBENARKAN membuat pertukaran Kursus/Tempat Pengajian dan sekiranya berlaku, Kerajaan berhak menamatkan penajaan Program MyBrain 2.0 dengan tuntutan ganti rugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian. |
| 24. | **Adakah pelajar perlu menghantar *research proposal* baharu jika membuat pertukaran tajuk penyelidikan?** | Ya, pelajar perlu mengemukakan *research proposal* baharu yang telah disahkan oleh penyelia ke Bahagian Biasiswa KPT menerusi e-mel: mybrain2.0@mohe.gov.my. |
| 25. | **Jika pelajar ingin menamatkan pembiayaan, apakah yang perlu dilakukan?** | Pelajar perlu memaklumkan kepada Bahagian Biasiswa secara bertulis ke alamat berikut :<br><br>Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Biasiswa<br>Kementerian Pendidikan Tinggi<br>Aras 2, No. 2, Menara 2<br>Jalan P5/6, Presint 5<br>62200 PUTRAJAYA<br>(u.p.: Unit MyBrain 2.0) |
| 26. | **Adakah pelajar akan dikenakan tindakan ganti rugi?** | Pembiayaan pelajar akan ditamatkan dan pelajar perlu membayar balik lebihan bayaran yang ditanggung oleh Kerajaan. |
| 27. | **Pertanyaan umum berkenaan permohonan** | Pertanyaan umum berkaitan program boleh dikemukakan menerusi e-mel / talian berikut:<br><br>E-mel: mybrain2.0@mohe.gov.my<br><br>No. Tel.: 03-8870 6371/6697/6506/6369/6403 |